

# Isu projek Taman SL ATM Perdana akan dipanjangkan kepada menteri

BH ONLINE | Ahad, 22 Disember 2019 | 3:40pm



WAKIL pembeli, Mohd Reduan Ibrahim, 33, menyerahkan memorandum kepada Penyelaras Khas Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Ab Aziz Ab Kadir (dua kanan) berkaitan isu perumahan terbengkalai di Taman SL ATM Perdana, Mukim Apam, Pasir Mas ketika ditemui di Restoran D' Klasik, Wakaf Che Yeh, NSTP/Zaman Huri Isa

KOTA BHARU: Isu perumahan terbengkalai sejak 13 tahun lalu di Taman SL ATM Perdana, Mukim Apam, dekat Pasir Mas akan dipanjangkan kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Zuraida Kamaruddin.

Penyelaras Khas Menteri KPKT, Ab Aziz Ab Kadir, berkata perkara itu perlu dinilai serta dibuat taksiran semula sebelum penyelesaian dibuat.

"Pada masa sama, saya juga difahamkan terdapat setengah pembeli yang sudah tamat perkhidmatan terpaksa menyewa rumah lain dan mereka perlu mengeluarkan wang untuk membayar sewa bulanan, sedangkan pada setiap bulan wang gaji atau pencen mereka dipotong.

"Perkara ini harus dipandang serius kerana ianya membabitkan masalah rakyat dan perlu diutamakan dan saya seboleh mungkin akan cuba menyelesaikannya, tetapi keputusan akhir adalah di pihak kementerian.

"Apabila pihak kementerian mendapat penilaian dan maklumat yang sebenarnya mengenai permasalahan ini, Insya-Allah perkara ini dapat diselesaikan," katanya ketika ditemui di Restoran D' Klasik, Wakaf Che Yeh, di sini, hari ini.

Terdahulu, wakil pembeli menyerahkan memorandum kepada Ab Aziz untuk diserahkan kepada KPKT dalam usaha menyelesaikan masalah yang membelenggu mereka sejak sekian lama.

Akhbar sebelum ini melaporkan, seramai 57 pembeli rumah kecewa dan terkilan apabila kediaman yang sepatutnya sudah siap didiami mereka akhirnya terbengkalai.